

UMP buka pameran dalam 6 lokasi KPTN



Bangi, 2 April- Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai enam lokasi dalam penganjuran Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2016 melabuhkan tirai Jelajah Jom Masuk IPT yang berakhir di Zon 6 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi baru-baru.

Dalam pameran ini, UMP menawarkan khidmat nasihat kepada calon pelajar yang ingin mendapatkan maklumat tentang program yang ditawarkan pada sesi akademik 2016/2017 dengan 30 program pengajian iaitu 25 program ijazah sarjana muda dan lima program diploma berteraskan kejuruteraan, sains dan teknologi.

Ianya termasuklah program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik dan Kejuruteraan Automotif hasil kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) manakala program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan membabitkan kerjasama dengan Reutlingen University di Jerman.



Jom Masuk IPT yang terakhir iaitu Zon 6 merangkumi negeri Selangor, Perak, Kuala Lumpur, Putrajaya serta Negeri Sembilan menjadi tumpuan kerana ianya merupakan yang terakhir dan lokasi yang strategik memudahkan pengunjung untuk hadir mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan yang ditawarkan serta dijalankan serentak dengan Jelajah "Soaring Upwards".

Dalam ucapan perasmian Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Seri Idris Jusoh berpuashati dengan kehadiran masyarakat di kesemua lokasi karnival yang hadir bagi mendapatkan maklumat mengenai peluang pengajian memberikan impak yang positif. Pemohon yang berhasrat untuk mendapatkan maklumat secara terus di setiap pengajian juga digalakkan untuk mengelakkan permohonan tidak memenuhi kriteria kemasukan.

"Pemohon harus peka mengenai maklumat akreditasi, bentuk-bentuk pembiayaan yang ditawarkan, kefahaman cara kemasukan yang mana 90 peratus mengambil kira akademik dan 10 peratus dari kokurikulum" katanya dalam majlis yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Mary Yap Kain Ching.

Bagi pengunjung, Marissa Abdul Wahab, 39 dari Bukit Katil, Melaka berpendapat penganjuran program sebegini membantu ibu bapa untuk bersama-sama membimbing dan membantu mendapatkan maklumat pengajian yang bersesuaian dengan jurusan yang dimiliki oleh anak mereka untuk mengelakkan anak mereka tercicir dari pemilihan kemasukan ke pusat pengajian tinggi.

Beliau yang hadir untuk mendapatkan maklumat mengenai pengajian yang ditawarkan oleh UMP kerana anaknya kini sedang menuntut di Kolej Matrikulasi Teknikal Negeri Sembilan.

Manakala bagi pelajar, Mohamad Ahmad, 17 dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Serting, Negeri Sembilan yang bakal menduduki SPM tahun ini mendapat bayangan untuk meneruskan pengajian yang mana apabila memahami konsep pengambilan dan syarat-syarat kemasukan.



Katanya, apabila diberi penerangan mengenai jurusan yang beliau minati ianya akan dapat menumpukan kepada subjek yang perlu memandangkan keputusan kredit bagi jurusan yang dipilih penting agar permohonan dalam jurusan yang akan beliau pilih nanti dalam sistem permohonan UPU online kelak.

Karnival di Zon 6 kali ini mengumpulkan 59,079 orang pengunjung memandangkan ianya merupakan lokasi yang terakhir dan tarikh tutup UPU online akan berakhir esok (5 April).

Berita disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkipli dari Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 04-04-2016, 14:39:04